



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATUK A. SAMAD SAID
SASTERAWAN NEGARA

OLEH:

NOR AIDA AMIRA BINTI KAMARUDIN 2012303867
SITI AISHAH BINTI MD HAFIDZUDDIN 2012572615

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATUK A. SAMAD SAID
SASTERAWAN NEGARA

OLEH:

NOR AIDA AMIRA BINTI KAMARUDIN 2012303867
SITI AISHAH BINTI MD HAFIDZUDDIN 2012572615

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan inayahNYA dapatlah kumpulan kami menyiapkan tugasan yang telah diberikan pada masa yang telah ditetapkan. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nor Kamariah bt Chik kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar, panduan dan bantuan kepada kumpulan kami sepanjang menjalankan tugasan temuramah dan juga membantu kami dalam menyiapkan transkrip ini.

Di samping itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk A. Samad Said kerana sudi meluangkan masa beliau dalam menjalankan sesi temuramah ini. Kami amat berterima kasih kepada beliau kerana sudi menceritakan tentang penglibatan beliau dalam bidang seni dan sastera melayu sepanjang beliau berkarya.

Akhir sekali, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut sama membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menjalankan tugasan ini. Semoga segala tunjuk ajar dan bantuan kalian dapat diaplikasikan pada masa hadapan dan kami amat menghargainya. Pengalaman dalam tugasan ini merupakan suatu pengalaman baru dan cukup menarik bagi kumpulan kami yang tidak dapat kami lupakan.

Sekian, terima kasih.

NOR AIDA AMIRA BINTI KAMARUDIN
SITI AISHAH BINTI MD HAFIDZUDDIN

2012303867
2012572615

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA
	SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang dan Pendidikan Tokoh.....	01
Bahagian 2: Kerjaya dan Pengalaman Tokoh.....	10
Bahagian 3: Anugerah dan Pencapaian Tokoh.....	16
Bahagian 4: Harapan, Pendapat dan Impian Tokoh.....	21
Log Wawancara.....	27
Senarai soalan.....	30
Indeks.....	34
Rujukan.....	37
Lampiran	
Surat kebenaran	
Surat perjanjian	
Gambar	

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Datuk A. Samad Said mengenai kerjaya beliau dalam bidang kesusasteraan melayu. Transkrip temubual ini dijalankan di Old Town White Coffee, Damansara, Kuala Lumpur pada 17 April 2014 bermula jam 11.00 pagi sehingga 1.00 petang. Datuk A. Samad Said merupakan salah seorang tokoh sasterawan yang amat dikenali dan disegani di negara ini melalui karya-karya yang beliau hasilkan. Transkrip ini menyentuh sedikit sebanyak tentang latar belakang, kerjayanya sebelum menjadi sasterawan negara dan terkini, pengalaman hidup, sumbangsan dan penghargaan beliau sepanjang bergelar sasterawan negara. Di samping itu, beliau juga turut memberikan pendapat khususnya mengenai penglibatan generasi masa kini dalam bidang sastera.*

Kata kunci: *Datuk A. Samad Said, Sasterawan Negara*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Abdul Samad bin Muhammad Said

Nama Panggilan : Datuk A. Samad Said

Tarikh Lahir

Tempat Lahir

Bil. Anak / cucu

Pendidikan : Victoria Institution, Singapura (1956)

Kerjaya : Pejuang Sastera / Sasterawan Negara

PENGENALAN

PENGENALAN

Tugasan ini dijalankan di bawah kursus IMR 604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Kami pelajar dari Fakulti Pengurusan Sistem Maklumat telah ditugaskan untuk menjalankan satu projek pendokumentasian sejarah lisan bersama tokoh yang telah dipilih. Bagi memenuhi kriteria projek pendokumentasian ini, tokoh pilihan tersebut haruslah berusia lebih kurang 50 tahun dan ke atas serta mempunyai banyak pengalaman dalam bidang kerjayanya. Kami terdiri daripada dua orang ahli iaitu Nor Aida Amira binti Kamarudin dan Siti Aishah binti Md Hafidzuddin telah memilih Datuk Abdul Samad bin Muhammad Said atau lebih dikenali sebagai Datuk A. Samad Said sebagai tokoh untuk projek pendokumentasian sejarah lisan.

Datuk A. Samad Said merupakan seorang pengarang Melayu yang agak unik dan tersendiri dalam perkembangan penulisannya yang dimulai dengan puisi dan cerpen, kemudian meningkat kepada penulisan novel, drama dan kritikan sastera. Sejak giat mengarang dalam tahun 1950, beliau telah memperlihatkan kekuatan daya kreatif yang sentiasa berkembang dan lebih bersifat meneroka. Pencapaian dan sumbangan beliau dalam memperkaya dan meninggikan niai kesusasteraan Melayu telah mendapat penghargaan dari pemerintah. Dengan semangat beliau yang begitu jitu telah membuatkan kami untuk mengenali beliau dengan lebih mendalam lagi.

Sesi wawancara bersama Datuk A. Samad Said telah diadakan di Old Town White Coffee Damansara. Sesi wawancara ini telah dilakukan semasa cuti pertengahan semester bersamaan 17 April tepat jam 11.00 pagi dan tamat pada 1.00 petang.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum kami ucapkan kepada Datuk A.Samad Said kerana sudi meluangkan masa untuk sesi temuramah ini. Sesi temuramah ini merupakan salah satu tugas yang diberi bagi memenuhi subjek IMR604 Oral Documentation. Rakaman ini berkisah tentang Datuk A.Samad Said, iaitu Sasterawan Negara yang terkenal.

Petunjuk:

ASS: A.Samad Said
SA: Siti Aishah

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG DAN PENDIDIKAN TOKOH

ASS : Saya ingin merakamkan *yang* [bahawa] saya lahir tahun . Rakaman itu-
salah sebenarnya. Mungkin itu salah saya sendiri *lah* [tabiat dalam bercakap]
untuk tidak membetulkan jauh lebih awal. *Tapi* [Tetapi] yang sebenarnya, yang
saya *nak* [hendak] tunjuk saya lahir (Sambil menunjuk kad
pengenalan) *Sebab* [Kerana] itu *masa* [semasa] saya belajar pun saya dapat
scholarship [biasiswa] cina di Singapura. Itu mulanya.

SA : *No wonder* [Tidak hairan] banyak *research* [penyelidikan] yang saya buat, pendidikan Pak Samad sendiri di Singapura.

ASS : Ya, lahir di Itu yang sudah-sudah *lah* [tabiat dalam bercakap] dalam semua catatan. Malah dalam *apa ni*—[tabiat dalam bercakap] baik di Dewan Bahasa, baik di mana-mana- - -. Tapi itu lah yang saya *nak* [hendak] betulkan. Ini kali ke *empat* [4] yang saya betulkan. Ada anak-anak yang lain yang *interview* [wawancara] pun saya betulkan. Bagaimana ini berlaku, saya- barangkali belum sempat menjelaskan sebaiknya lah. *Tapi* [Tetapi] itu harus_ _ lah. Jadi maksudnya umur saya sekarang- *lapan puluh dua* [82] tahun.

SA : *Okay*, [Baiklah] dalam *interview session* [sesi wawancara] *ni* [ini], kami akan bahagi kepada *lima* [5] bahagian. *First* [Pertama] sekali bermula dengan latar belakang Pak Samad sendiri, latar belakang pendidikan, kerjaya, sumbangan dan juga pencapaian. Jadi- kita boleh mulakan dengan latar belakang Pak Samad sendiri *lah*. [tabiat dalam bercakap] Boleh Pak Samad ceritakan tentang latar belakang hidup Pak Samad sendiri bermula dengan nama sebenar dan juga keluarga Pak Samad?

ASS : Nama saya- yang tercatat itu la, Abdul Samad bin Muhamed Said. Ayah saya lah. Datuk saya *Tu* [Itu] menunjukkan- keturunan saya India. Nama saya ejaan *dia*- - -. [nya] *Kalau* [Jika] diteliti dari ejaan memang- ia- boleh membuktikan bahawasanya

itu adalah biasanya ejaan yang digunakan oleh orang India. Usoff misalnya, U.S.O.F.F [sambil mengeja]. *Kalau* [Jika] kita kan Y.U.S.U.F [sambil mengeja]. *Kalau* [Jika] Muhamad- - -. *Kalau* [Jika] kita M..U.H.A.M.A.D [sambil mengeja]. *Tapi kalau* [Tetapi jika] orang India M.U.H.A.M.E.D [sambil mengeja]. Itu awalnya *lah*. [tabiat dalam bercakap] *Tapi* [Tetapi] saya dilahirkan di Singapura secara rasmi, dalam *identity card* [kad pengenalan] tahun *tiga puluh dua* [32]. Hidup saya— sepanjang hidup saya, dari kecil sampai ke tahun *lima puluh tujuh*, [57] barulah saya menjakkan kaki saya ke Kuala Lumpur. Kampung saya di Melaka. *Kalau* [Jika] saya balik pun ke— *Malaya* [Malaysia] waktu *tu*, [itu] saya cuma di kampung sahaja. Durian Tunggal, Melaka. *Jadi* [oleh itu] maksudnya, sepanjang hayat saya secara rasmi memang saya *duduk* [menetap] di Singapura. Sekolah di Singapura. Saya bermula dengan Sekolah Melayu Kota Raja, Singapura. Kemudian— hanya *satu* [1] tahun pun, terlebih sikit, Jepun menjajah. *Jadi* sepanjang *tiga* [3] tahun *lapan* [8] bulan, *tiga* [3] tahun *enam* [6] bulan atau *lapan* [8] bulan, saya *apa ni*- [tabiat dalam bercakap] pergi sekolah Jepun. Hanya apabila British kembali semula, saya agak terpilih untuk menyertai kelas kursus khas, *Special Malay Class*. [Kelas Bahasa Melayu] Iaitu— belajar apa ni Melayu-Bahasa Inggeris *lah*. [tabiat dalam bercakap] Sampai lah ke tahun *sembilan belas lima puluh enam*- [1956] saya ambil saya punya *skill certificate*- [sijil kemahiran] *dua* [2] kali sebenarnya. *Satu* [1] kali saya gagal. Saya dapat bintang merah *satu*. [1] Bintang merah itu *artinya* [erti] *tak* [tidak] boleh ambil *exam* [peperiksaan] untuk *satu* [1] tahun. *Jadi*, [Oleh itu] tahun kedua baru saya ambil *exam*. [peperiksaan] Saya

dapat- gred *tiga*. [3] Berarti [Bererti] memang saya *tak* [tidak] pandai sangat *lah*. [tabiat dalam bercakap] Ya, gred *tiga*. [3] Lepas sekolah itu, saya- bekerja hanya sebentar di Journal Hospital di Singapura- jadi kerani lah. Sebelum saya berhenti, saya *apa ni-* [tabiat dalam bercakap] datang ke Kuala Lumpur. Kemudian saya fikir pada tahun *sembilan belas lima puluh tujuh* - -. [1957] Datang ke Kuala Lumpur, saya membantu Ahmad Boestamam. Dia menerbitkan *Akhbar Mingguan Fikiran Rakyat*.[akhbar yang diterbitkan pada zaman penjajahan Jepun] Saya bersama Ahmad Boestaman pun saya fikir *tak* [tidak] lama pun sebab akhbar itu- *tak* [tidak] cukup. Jadi barangkali saya dengan Ahmad Boestaman atau dengan Mingguan Fikiran Rakyat *tu* [itu] sekitar *lima*, [5] *enam* [6] bulan sahaja- kerana itu pertama kali saya datang kursus ke Kuala Lumpur, bekerja. Kemudian saya balik ke Singapura. Saya dapat kerja dengan *Utusan Melayu*. [sebuah syarikat akhbar] Utusan Melayu- *sembilan belas lima puluh tujuh* [1957] juga. Akhir *sembilan belas*, [19] sebelum kita merdeka. Dan oleh kerana Utusan Melayu pindah dari Singapura ke Kuala Lumpur, *opis* [pejabat] nya tu pindah, saya pun ikut pindah. Saya ikut pindah dan berada di sini hampir *sembilan belas lima puluh tujuh*, [1957] saya berada di Kuala Lumpur bekerja dengan- Utusan Melayu. *Tapi* [Tetapi] saya dengan Utusan Melayu *tak* [tidak] lama sebenarnya antara *satu*, [1] *dua* [2] tahun. Saya lupa *lah*. [tabiat dalam bercakap] Paling lama barangkali *dua* [2] tahun. Tapi saya fikir *satu* [1] tahun lebih, sebelum saya berpindah dan bekerja pula dengan *Berita Harian*. [sebuah syarikat akhbar] Berita Harian *tu* [itu] hampir *dua puluh* [20] tahun lebih lah saya bekerja. _ _ _ dari wartawan umum, wartawan biasa

sampai lah sebelum saya berhenti, saya sempat menjadi pengarang berita harian. Kemudian, sempat juga menjadi pembantu kepada pengarang Straits_ _ . Dan di Berita Harian- tahunnya saya lupa lah, saya berhenti- sebab saya hendak menulis sahaja. Saya tidak *nak* [mahu] bekerja. Jadi- saya berhenti antaranya saya dibantu oleh *Dewan Bahasa dan Pustaka* [badan kerajaan yang bertanggungjawab untuk menyelaras penggunaan bahasa Melayu di Malaysia dan Brunei] untuk membolehkan saya menulis antologi puisi panjang saya, Al-amin. Dan *lepas* [selepas] itu, sampai sekarang saya *tak* [tidak] bekerja dengan siapa-siapa. Cara hidup saya cuma menulis. Kalau ada jemputan untuk ceramah, saya pergi, hingga sekarang. *Tapi* [Tetapi] dalam masa saya yang *tak* [tidak] bekerja *tu-* [itu] banyak *lah* [tabiat dalam bercakap] saya menulis buku. Kalau dilihat daripada tahun *lima puluh lapan* [58] sampai sekarang *artinya* [ertinya] semua hasil cipta saya memang saya tulis di Kuala Lumpur. Sebelum itu, *lima puluh enam* [56] ke bawah, saya tulis di Singapura.

SA : Jadi sekarang ini siapakah isteri Pak Samad?

ASS : Rashidah Mohamad Tahar. Isteri saya yang muda. Muda pun *tak* [tidak] mudalah, sudah *enam puluh satu* [61] usianya sekarang ini. Isteri saya yang pertama- Salmi Manja. Dia yang *duduk* [menetap] di Subang Jaya- iaitu mak Helmi.

SA : Jadi Helmi adalah anak kepada Pak Samad?

ASS : Dia adalah anak saya. Anak kedua saya. Dia tidak bagitahu?

SA : Tidak. (Ketawa) Saya cuma tahu dia sebagai *PA* [pembantu peribadi] kepada Pak Samad.

ASS : Oh. Dia anak saya.

SA : Sekarang ini Pak Samad tinggal bersama siapa?

ASS : Saya tinggal dengan- isteri muda saya. Di sana, anak-anak semua boleh jadi _____. Pada waktu-waktu tertentu mereka akan balik ke sana, ketika hari raya, ketika hal-hal tertentu. Jadi hidup saya bersama dengan Rashidah. Saya ada anak seorang, Hassan Makmon, *Musician* [pemuzik]. Itu anak saya bersama Rashidah.

SA : Jadi berapa jumlah anak Pak Samad?

ASS : *Total* [jumlah] anak saya ada Siti Senja, anak kedua saya Helmi Samad, Shidah Dini nombor *tiga* [3] dan Sinar Raihan nombor *empat*. [4] Itu dengan isteri pertama. Dengan isteri kedua memang tidak ada rezeki. Dia sendiri pun tidak mahu anak. Jadi saya tidak ada anak *dengan* [bersama] dia. Isteri saya ketiga *ni* [ini], anak saya *As* [Rashidah].

SA : Apakah pekerjaan isteri Pak Samad yang sekarang?

ASS : Dulu dia itu wartawan. Dia jadi pengarang Majalah Jelita. *Tapi* [Tetapi] sekarang tidak lagi. _____. Sudah buka rahsia (ketawa) secara tidak sengaja. (ketawa) (bunyi ambulans)

- SA : Jadi seterusnya adakah Pak Samad mempunyai cicit atau cucu?**
- ASS : Cucunya tentunya ramai. Kadang-kadang saya lupa cucu saya. Saya ingat bila jumpa saja. Anak- saya yang pertama, Siti Senja itu ada *dua* [2] orang anak, itu *dua* [2] cucu saya. Helmi ada *dua* [2] juga. Sudah *empat*. [4] Dini ada *lima*. [5] *Sembilan*. [9] Sinar Raihan ada *sorang*, [seorang] jadi *sepuluh* [10] orang cucu. Itu bila *you* [awak] tanya itu saya ingat. Bila *tak* [tidak] tanya saya tidak ingat. (ketawa).
- SA : Apakah pekerjaan anak-anak Pak Samad sendiri? Adakah mereka mewarisi bakat Pak Samad?**
- ASS : Mereka tidak mewarisi sepenuhnya. Mereka mewarisi secara *sipi-sipi*. [sedikit] *Macam* [Seperti] Helmi pernah menulis tapi sekarang lebih menumpukan soal mengelolakan *apa ni*, [tabiat dalam bercakap] penerbitan buku-buku saya. Ertinya dia akan baca, *koreksi* [membetulkan kesalahan ayat] _ _ _ _ _ . Kemudian anak-anak yang lain memang tidak- terpikat dalam bidang itu. Kecuali anak saya As, As itu bidangnya muzik. Bukan sastera. Jadi boleh dikatakan secara- sah, memang tidak ada yang- ikut saya sendiri. Yang memelihara hasil cipta saya adalah Helmi.
- SA : Apakah hobi atau minat Pak Samad untuk mengisi masa terluang?**
- ASS : Saya ada *dua puluh dua* [22] buah diari. Kalau saya *tak* [tidak] tulis apa-apa pun saya boleh menerbitkan *dua puluh dua* [22] buah buku. *Tapi* [Tetapi] saya

banyak sebenarnya antaranya saya digalakkan oleh penontonan untuk menulis atau bergerak di sana dan saya sedang ingat dan mana-mana yang ingat saya catat sahaja *lah*. [tabiat dalam bercakap] Belum tentu dia akan jadi. *Tapi* [Tetapi] banyak-banyak peristiwa hidup saya *tu* [itu] sudah mula saya catat mengikut *period* [masa] zaman kecil, zaman jepun, zaman merdeka. Jadi, ya mudah-mudahan *kalau* [jika] kesihatan memungkinkan, kalau *apa ni* [tabiat dalam bercakap] bakat seni itu masih lagi segar, dia akan jadi. *Tapi* [Tetapi] *terakhir* [baru-baru] ini tumpuan saya khusus *kalau* [jika] bacaan saya, rata-ratanya biografi atau autobiografi orang-orang yang menggongcang dunia seperti Salim, seperti Nauziki, seperti Gandhi, seperti Nasion Mandela, seperti Sukarno. Jadi, sejarah hidup mereka itu saya sedang bacalah untuk mengetahui latar mereka dan mengapa mereka menjadi begitu sehingga mempengaruhi dunia. Dan yang kedua yang sangat saya baca saya mendalami *al-Quran* [kitab suci umat Islam]. Setiap hari saya akan pergi ke masjid. Itu yang saya lakukan dan harian pun itu saya lakukan setidak-tidak nya saya akan baca setidak-tidaknya *sembilan* [9] surah sebelum saya tidur. *Tujuh* [7] surah waktu siang, *dua* [2] surah waktu malam, sebelum saya tidur. Dan saya akan sembahyang-tahajjud, dan saya akan sembahyang duha, dan saya sembahyang sunah yang lain-lain, itu memang sekarang yang mengisi hidup saya. Saya menyelam *al-Quran* [kitab suci umat Islam]. Saya baca *al-Quran* [kitab suci umat Islam] dan saya baca ertinya dan saya cuba tertib mana yang munasabah untuk menghiasi hidup saya.

- SA : Apakah nama pena Pak Samad?**
- ASS : Nama pena saya *masa* [semasa] bekerja di akhbar ada banyak *lah*, [tabiat dalam bercakap] Isa Dahmuri, Mesra, Manja. Adalah beberapa.
- SA : Mengapakah Pak Samad memberi nama-nama pena tersebut?**
- ASS : Nama pena *tu* [itu] oleh kerana *bila* [apabila] *you* [awak] bekerja di akhbar, *you* [awak] *tak* [tidak] mahu lah orang tengok *you* [awak] punya nama sahaja. *Sebab* [Kerana] akhbar waktu tahun-tahun *lima puluhan* [50-an] tidak ramai orang yang menulis. Jadi dalam masa itu sendiri kita harus mengisi. Usman Awang sendiri ada *dua puluh* [20] nama dan saya ada *dua belas* [12] nama. Jadi kita mengisi. Sebab orang *tak* [tidak] hantar rencana kalau hantar pun *tak* [tidak] sesuai. Kita dari dalam kita tahu mana yang sesuai jadi kita mahu reaksi, kita buat sendiri. Takkan semua artikel kita dalam akhbar *tu* [itu] kita punya nama semua.
- SA : Adakah terdapat makna dalam sesuatu nama pena tersebut?**
- ASS : Nama pena *tu* [itu] kadang-kadang nama untuk *memancing*– [menarik perhatian] ya zaman muda hendak nama-nama yang cantik. Orang akan terpikat dengan *you* [awak]. Itu sahaja. Kadang-kadang ia datang begitu sahaja. Kalau nama *you* [awak] Manja, misalnya, orang suka nama *tu*. [itu] Mesra, orang suka nama *tu*. [itu] *Tapi* [Tetapi] *bila* [apabila] Isa Dahmuri, orang *tak* [tidak] suka. (Ketawa)

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: KERJAYA DAN PENGALAMAN TOKOH

- SA : Kita akan beralih daripada latar belakang Pak Samad ke kerjaya dan pengalaman. Menurut kajian saya, minat Pak Samad dalam bidang satera dan penulisan kreatif telah bermula sejak di bangku sekolah lagi. Jadi, apakah yang mendorong Pak Samad untuk ke arah bidang sastera?
- ASS : Begini. Semasa saya sekolah, saya seorang murid yang- gagap. Buruk sungguh gagap saya- sehingga sukar bagi saya *lah* [tabiat dalam bercakap] untuk berhadapan atau berbual dengan orang. Mungkin itu salah satu sebabnya semasa kecil saya tidak banyak bergaul lalu tertumpu lah kepada bersendiri, maksudnya memang dari kecil- saya hanya dengan buku. Jadi itu sebabnya. Mulanya, biasanya *kalau* [jika] kita menelaah buku, membaca buku, tentu akhirnya tergerak hati kita untuk menulis buku. *Sebab* [Kerana] apa yang ditulis dalam buku *tu* [itu] saya rasa orang ada pengalamannya sendiri dan saya juga ada pengalaman saya sendiri. Pengalaman saya yang kukuh ialah pengalaman di zaman- Perang Jepun. Saya bersekolah pada zaman penjajahan Jepun *tiga* [3] tahun *lapan* [8] bulan seperti yang saya katakan tadi. Pengalaman zaman Jepun lah pengalaman yang sangat sangat berbekas dalam diri saya melalui seluruh penderitaan hidup dan mengenal tentang kehidupan-kehidupan yang kasar. Agak kebetulan saya tinggal di daerah *apa ni*, [tabiat dalam bercakap] sundal lah. Sebab itu tempat yang termurah dan miskin dan sewa rumah yang murah lah di daerah sundal. Sebab itu anda dapati saya menulis novel pertama saya tentang sundal.

SA : Sundal? Salina?

ASS : Ya, Salina. *Prostitute*. [pelacur] Itu sebab dalam novel kedua saya Sungai Mengalir Lesu, apa yang berlaku di dalam di zaman Jepun. Jadi antara kehidupan saya dengan hasil cipta saya memang tidak banyak- berubah kerana ada lain pun adalah khayalan saya yang *digaulkan* [dicampurkan] dengan pengalaman saya yang dibentuk menjadi cerita. (bunyi telefon)

SA : Okay bagaimana pula dengan pekerjaan di Singapura?

ASS : Ya, pekerjaan seperti yang saya katakan selepas sekolah saya dapat kerja di hospital menjadi— kerani biasa. *Tapi* [Tetapi] tidak lama sebab seperti saya katakan saya *ikut* [menyertai] Ahmad Boestaman untuk mengelolakan Mingguan Fikiran Rakyat di Kuala Lumpur. Kemudian Mingguan *tu* [itu] tutup, *so* [jadi] balik ke Singapura *apa ni* [tabiat dalam bercakap] diterima di Utusan Melayu. Utusan lama di Singapura *tak* [tidak] lama sebab Utusan Melayu pun pindah ke Kuala Lumpur. Utusan Melayu di Kuala Lumpur pun saya *tak* [tidak] lama, saya pindah ke Berita Harian lebih daripada *dua puluh* [20] tahun.

SA : Bersama siapakah Pak Samad melibatkan diri dalam bidang sastera?

ASS : Saya kalau di Singapura saya ada beberapa orang kawan sebenarnya. _ yang sama latar dan sama umur khususnya orang seperti A.S Amin, M. Ghazali, Noris Ain. Itu memang pernah dapat saya dalam bidang kesusasteraan. Pada tahun *lima puluhan*, [50-an] barangkali lima puluh tiga, [53] *lima puluh empat*,

[54] *lima puluh lima*, [55] saya menyertai sebuah *badan*– [persatuan] itu saya lupa namanya. Tapi *badan* [persatuan] itu adalah himpunan anak-anak muda yang mula menulis. Kalau saya tidak silap namanya angkatan- - -.

SA : Angkatan Seni Rakyat?

ASS : Ha, begitulah. Sebelum sebelum secara rasmi saya menyertai ASAS *lima puluh* [50]. ASAS *lima puluh* [50] tu [itu] dipimpin oleh Usman Awang dan teman-teman seperti Keris Mas, Ros Merah, Hasrab Wahab dan itu yang saya _ _ dengan ASAS *lima puluh* [50].

SA : Apakah pengalaman bersama orang-orang yang hebat dalam karya sastera di ASAS *lima puluh* [50]?

ASS : Di ASAS *lima puluh* [50] orang seperti Jimi Asmara, dia orang pertama yang mengajar saya bagaimana menggunakan *typewriter*. [mesin taip] Dia mengajar saya dengan secara bersistem. *Sebab* [Kerana] itu cara saya kalau kita menaip memang bersistem. Waktu itu, ketika saya menulis novel saya yang pertama-saya gunakan apa yang diajarkan jadi daripada mulanya agak *merangkak* [perlahan] menaip, lepas itu bila akhirnya, novel itu siap lancar. Saya sudah boleh *print*, [cetak] lancar dah. Jadi- *artinya* [erti] Jimi Asmara mengajar saya bagaimana menaip menggunakan *typewriter* [mesin taip] secara rasmi. Usman Awang menjadi *apa ni-* [tabiat dalam bercakap] teladan saya. Sebab Usman Awang waktu tahun *lima puluhan* [50-an] pun dia sudah- namanya

harum dan cita-cita saya kalau boleh menjadi seperti Usman Awang. Jadi saya ikuti dia, tengok cara dia menulis, apa buku dia baca dan *habit* [tabiat] dia. *Habit* [tabiat] dia itupun saya ikuti. Dan daripada Hamzah Husin, Hamzah Husin itu bukan ASAS *lima puluh*. [50] Dia Angkatan Persukatan Melayu Baru, begitulah kalau saya *tak* [tidak] silap. Angkatan ini menentang ASAS *lima puluh* [50]. *Tapi* [Tetapi] Alhamdulillah saya kawan *dua* [2] belah pihak. *Tapi* [Tetapi] ketika dalam ASAS *lima puluh*, [50] saya belajar_ grammar, [tatabahasa] Bahasa Melayu-Indonesia menerusi Asrab, Asrab Wahab. Dia yang mengajar saya. Jadi dengan begitu, *langgam* [gaya] bahasa saya, saya catat pun bahasa Indonesia. Sebab ASAS *lima puluh* [50] memang begitu. Kita mahu mendekatkan Bahasa Melayu dengan Bahasa Indonesia, menjuruskannya Bahasa Melayu ke Bahasa Indonesia yang lebih ramai orang menggunakan. Sebab itu sampai sekarang pun saya punya cara saya cakap, cara saya bentuk ayat semua istilah-istilah kebanyakannya Indonesia.

SA : Jadi, apakah perbezaan antara istilah Bahasa Singapura, Bahasa Malaysia dengan Bahasa Indonesia?

ASS : Singapura saya fikir bahasa yang tidak menentu *lah*, [tabiat dalam bercakap] *Artinya* [Ertinya] Bahasa Melayu *tu-* [itu] Bahasa Melayu di pasaran. *Kalau* [Jika] Bahasa Melayu-Indonesia *tu* [itu] memang ada, di waktu itu pun sudah ada *dia* [ia] punya ahli bahasa, ahli tatabahasa. Kita belajar *apa ni* [tabiat dalam bercakap] *sentence*, [ayat] *construction* [membina] kalau menggunakan

membina ayat yang betul mengikut *grammar*, [tatabahasa] memilih kata-kata yang tepat. Dan oleh kerana Indonesia negara yang waktu itu bergolak, mengarah kearah kemerdekaan (bunyi telefon) malah sewaktu saya mendampingi hasil kerja Indonesia, Indonesia sudah merdeka. Jadi bahasanya berkembang dengan cepat, mengambil istilah-istilah luar supaya menepati apa yang beliau ingin ucapkan. Jadi sebab itu bahasa saya, *langgam* [gaya] saya adalah Indonesia.

- SA : Seterusnya, apakah pengalaman pahit dan manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang Pak Samad berkarya?
- ASS : Berkarya? Berkarya saya fikir memang bagi saya, walaupun nampaknya saya ibarat produktif dalam berkarya tapi saya sebenarnya *sulit* [sukar] untuk berkarya. Sebelum saya buat apa-apa nanti ia agak mengganggu saya. Apa yang lakukan biasanya- saya akan catat dahulu. Tidak semestinya secara urutan, apa saja saya fikir saya catat dan kemudiannya baru saya *waraskan* [betulkan]. Jadi kalau dalam dunia, dalam warna penulisan memang saya sentiasa melalui-penderitaan. Sebab itu saya kata menulis itu *lara* [menderita] dalam ucapan anugerah saya. Jadi setiap kali sampai sekarang pun kalau menulis, saya adalah orang yang agak gelisah-, orang yang *tak* [tidak] senang sehingga hasil cipta saya itu agak menjadi. Dan kalau orang yang mengikuti, mengetahui, saya akan menulis berulang kali, membetulkannya berulang kali *sampai* [sehingga] saya merasa ayat saya itu betul *grammar* [tatabahasa] nya, pilihan kata-katanya itu agak tepat dan tidak ada yang sia-sia. Itu memang dalam diri saya dari dulu

sampai sekarang. Tapi memulakan *tu* [itu] amat susah. Itu derita dalam berkarya. Maksudnya sampai sekarang, kalau saya berkarya, saya akan derita dahulu. Sesudah karya itu sempurna, jadi, apalagi telah di cetak, baru saya akan rasa bahagia. *Tapi* [Tetapi] dalam kehidupan yang paling saya merasai derita ialah di zaman berperang. Itu hidup. Oleh kerana sukar *nak* [hendak]- -. Hidup tidak ada makanan. Dan paling utama adalah merasa sangat berbahaya setiap kali merasa bahaya *sebab* [kerana] bom akan jatuh bila-bila masa sahaja. Jadi dalam *tiga* [3] tahun *lapan* [8] bulan itu, itu adalah puncak penderitaan saya.

- SA : Bagaimana pula dengan pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang Pak Samad berkarya?**
- ASS : Pengalaman manis biasanya cinta *lah*. [tabiat dalam bercakap] Dan kerana saya hidup dalam daerah sundalan, jadi- cinta saya pun macam orang sundal juga (ketawa). Tidak pernah jujur, *dia* [ia] hanya berdasarkan- nafsu. Dan kemudian *berpindah-randah* [bertukar-tukar] *lah*- [tabiat dalam bercakap] bukan seorang. Ini saya pun tidak pernah- elak untuk bercinta. Memang inilah saya mempunyai- -. Walaupun saya gagap, saya mempunyai ramai *girlfriend*. [teman wanita] Oleh sebab semua orang susah, jadi kebetulan saya seorang dalam kampung itu yang belajar Bahasa Inggeris, sekolah Inggeris jadi, saya menjadi idola lah. Jadi, ramai lah *girlfriend* [teman wanita] bertukar ganti. Bertukar ganti sehingga- -. Itu masa-masa nikmat saya dan juga masa dosa saya. Masa dosa saya banyak di situ.**

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN TOKOH

- SA : Kita akan berpindah ke bahagian anugerah dan pencapaian. Menurut kajian saya, anugerah pertama yang Pak Samad dapat iaitu anugerah Pejuang Sastera tahun *sembilan belas tujuh puluh enam* [1976] dan dapat pengiktirafan daripada kerajaan.
- ASS : Saya dapat *lima puluh ribu* [RM50,000] kalau saya *tak* [tidak] silap. Dalam *tiga puluh ribu* [RM30,000] atau *lima puluh ribu*. [RM50,000]
- SA : **Jadi, apakah perasaan Pak Samad pada masa itu dan juga siapakah yang memberi dorongan kepada Pak Samad untuk mendapat pengiktirafan itu?**
- ASS : Saya sebenarnya, latarnya amat *kacau*. [kompleks] Orang tidak tahu latar anugerah itu. Latar anugerah itu tidak menyenangkan saya. Malah, kalau ada orang yang masih hidup macam– Abdul, Abdullah- - -. Dia memang sudah tidak ada. Saya tolak. Saya tolak anugerah itu. Oleh kerana saya merasakan anugerah itu tidak diberikan secara jujur. Sebab– anugerah itu sebenarnya mempunyai muslihat siasat. Maksud saya, ada diantara orang yang diberi anugerah itu, ada diantaranya memang diawasi oleh kerajaan dan bersedia untuk menangkapnya. Dan saya tidak mahu beritahu namanya. *You* [Awak] *kena* [perlu] cari sendiri. Jadi hadiah itu ditimbulkan hampir secara itu mendadak dan diberi kepada *enam* [6] orang kalau saya tidak silap *siapa tu-* [tabiat dalam bercakap] Ishak Haji Muhammad, Keris Mas, Usman Awang, Samad Ismail, (bunyi kereta) saya dan

Ishahnun. *Taktau* [Tidak tahu] *lah* [tabiat dalam bercakap] Ishahnun dulu atau saya dulu. Sampai ke akhir di malam penganugerahan itu saya masih memutuskan tidak mahu menerima dan saya tidak mahu menjadi adat. Itu kawan saya datang, memujuk saya. Sebab kawan itu tahu saya tidak mahu terima kerana anugerah itu diwujudkan secara mendadak untuk melindungi seseorang yang dapat anugerah itu. Seorang daripadanya. *Tapi* [Tetapi] oleh kerana yang datang *tu* [itu] kawan saya *tu* [itu] minta sangat saya datang dan saya tidak mahu menjatuhkan air muka. Sebelum Perdana Menteri pada masa itu Tun Hussein Onn datang, atau lagi beberapa minit dia *datang* [tiba] baru lah saya *datang*. [tiba] Dan saya, ya- dengan berat hati, dengan- tidak rela, saya terima anugerah itu. Ini pertama kali saya cakap dan saya tegakkan supaya nanti orang boleh mengkaji hal-hal yang sebenarnya.

SA : Maklumat yang sangat berguna. Seterusnya, anugerah Sastera Negara.

ASS : Anugerah Sastera Negara *dua* [2] kali saya tolak. Saya tolak juga. Sebenarnya *dua* [2] kali sehingga saya menerima surat untuk digugurkan daripada ahli panel untuk mendidik. *Sebab* [Kerana] *bila* [apabila] kita jadi ahli panel, kita berhak untuk tidak dicalonkan. Dan saya *dua* [2] kali saya tolak. Itu sebab lepas Usman Awang, (bunyi pinggan) anda akan dapati tidak ada orang yang diberi itu anugerah. Kalau saya tidak silap *dua* [2] tahun. *Satu* [1] tahun kosong atau *dua* [2] tahun kosong, baru saya terima. Dan kosong itu kerana itu saya tolak, saya tidak mahu untuk menerima anugerah itu. Saya merasakan bahawasanya selagi saya menjadi anggota hakim anugerah itu, saya tidak mahu saya dicalonkan. Itu

sebab selepas itu saya digugurkan– dan saya tidak boleh berbuat apa-apa. *Tapi* [Tetapi] *diorang* [mereka] mencalonkan saya setelah saya gugur daripada jemaah hakim Anugerah Sastera. Itu sebab anda lihat tahun yang pertama ada, tahun kedua ada, kemudian ada tahun yang kosong, itu tahun yang saya tolak.

SA : Seterusnya, bagaimana pula dengan anugerah South East Asian Write Award?

ASS : South East Asian itu digerakkan oleh *buan pena* [sebuah organisasi sastera] saya fikir dan saya adalah orang yang pertama untuk menerima South East Asian Award. Kalau *you* [awak] tengok list itu South East Award, orang yang pertama, saya. Itu memang saya itu agak bersedia sebab waktu *tu* [itu] saya– bersetuju dengan panel. Ada yang saya tidak setuju dengan keputusan panel, *tapi* [tetapi] waktu itu memang saya bersetuju dan saya bersedia untuk menerimanya. Tidak ada *sangkal* [bantahan], saya menerima. Saya orang pertama.

SA : Dimanakah Pak Samad menerima anugerah itu?

ASS : Dianugerahkan di negeri Siam, Thailand dan Queen_ itu sendiri yang menganugerahkan. Saya sempat menerima daripada *queen* [permaisuri negara Thailand] itu sendiri.

SA : Apakah anugerah yang paling berharga bagi Pak Samad dalam kesemua anugerah yang pernah diterima?

ASS : Saya fikir ada *satu* [1] anugerah, anugerah Sastera Asia– Nusantara. Anugerah Sastera Nusantara itu- diberi oleh *tiga* [3] kerajaan, Singapura, Indonesia dan_. Dan saya terima- *empat* [4] orang yang menerima anugerah itu. Itu saya merasa sangat– bahagia sebab itu anugerah Sastera Nusantara, mewakili nusantara. Itu *you* [awak] boleh *refer* [rujuk] lah di tahun apa. *You* [awak] boleh tengok sendiri.

SA : Pada kajian saya, anugerah Sasterawan Negara pada tahun *sembilan belas lapan puluh lima* [1985] adalah kemuncak karya Pak Samad. Jadi, siapakah yang menganugerahkan anugerah tersebut?

ASS : Oleh kerajaan lah. Sasterawan Negara itu semua oleh kerajaan. Tentunya dibantu oleh persatuan penulis yang menyediakan semua butiran ataupun mengadakan hakim-hakimnya. Tetapi anugerah itu datang rasmi dari kerajaan.

SA : Apakah pengorbanan yang telah Pak Samad lakukan dalam mengembangkan industri sastera?

ASS : Saya tidak merasa saya berkurban apa-apa. Saya merasakan itu memang kesenangan saya, panggilan seni saya. Walaupun menciptanya itu kadang-kadang derita, tapi saya rasa itu adalah sumbangan saya kepada– kekayaan

kesusasteraan kita. (bunyi telefon) Walaupun saya tidak terfikirkan sangat soal sumbangan saya, bila *you* [awak] menulis, *you* [awak] memberi, itu khazanah bangsa. Dan saya harap apa yang saya lakukan itu merupakan khazanah yang berguna untuk kesusasteraan atau untuk seni bangsa saya.

SA : Selain sastera, adakah Pak Samad terlibat dalam bidang lain juga?

ASS : Ya saya bermula sebagai seorang artis. Ramai yang tidak tahu, saya bukan bermula sebagai seorang sasterawan. Saya seorang pelukis di Singapura. Tapi usianya itu tidak panjang sebab saya mendapat guru lukisan yang baik, Simahat namanya. *Tapi* [Tetapi] dia pun sibuk. Jadi *artinya* [ertinya] saya tidak mendapat bimbingan yang terus-menerus dan tidak ada lingkungan yang bantu untuk *memercukkan* [mengasah] bakat saya. Dan ketika itu saya sudah berdampingan dengan Usman Awang dan ASAS *lima puluh* [50] dan ini memberi saya tempat, waktu dan bekalan yang mudah, itu sebab selepas itu saya pindah ke bidang kesusterawan. Tapi memang saya belajar lukisan daripada pelukis melayu yang terkenal di Singapura. Simahat namanaya. SI.M.A.H.AT. [sambil mengeja] Jadi– *tak* [tidak] boleh untuk dinafikan sebab itu– ada waktu-waktunya yang saya pun sukar untuk menjelaskan. Saya menjadi sangat ghairah untuk melukis. Saya melukis sampai kira-kira *seratus* [100] buah lukisan antaranya yang *dua* [2] yang dibeli oleh Selangor. Kan ada *dua* [2] lukisan saya yang baru-baru ni heboh dibeli oleh Selangor- tidak dibayar tapi sekarang sudah dibayar.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: HARAPAN, PENDAPAT DAN IMPIAN TOKOH

- SA : Ini adalah slot terakhir iaitu harapan, pendapat dan juga impian Pak Samad dalam bidang sastera ini.
- SAA : Saya mahu menerbitkan semua buku saya dan saya masih berkarya sekarang dan saya harap karya saya *tu* [itu] semakin berguna, bersejarah dan— bermutu. — — —. Dan sekarang ini, saya ada *dua* [2] buah buku yang sedang saya tangani. Yang *satu*, [1] hasil cipta saya sendiri berjudul— Balada Bersih. Balada Bersih adalah himpunan puisi-puisi perjuangan saya dalam Bersih [perjuangan bebas]. *Dua ratus dua* [202] puisi. Itu, saya haraplah dalam *dua* [2], *tiga* [3] bulan ini akan diterbitkan. Satu lagi saya sedang kumpul— hasil cipta *tujuh* [7] orang penulis dan saya ingin antologikan dan memberi *introduction* [pendahuluan] nya juga. Saya judulkan Segenggam Lipan. Itupun saya harap dalam *dua* [2], *tiga* [3] bulan ini, penyair-penyair, ada *tujuh* [7] orang penyair yang protes dalam puisi-puisi ini. Puisi itu terkadang-kadang tidak indah tetapi semangat perjuangannya menginginkan masyarakat yang bersih. Itu yang saya mahu.
- SA : Jadi dalam Balada Bersih terdapat himpunan-himpunan versi Bersih. Jadi boleh Pak Samad menceritakan sedikit tentang pengalaman dalam Bersih itu sendiri?
- ASS : Pengalaman dalam Bersih kan saya dijemput untuk menjadi pengerusi bersama dalam Bersih setelah Ambiga tidak sepenuhnya diterima oleh orang melayu. Saya diminta supaya boleh untuk memberikan sokongan dengan menerima *apa*

ni, [tabiat dalam bercakap] jawatan ni dan saya menerima semata-mata untuk menyelamatkan Bersih *sebab* [kerana] saya fikir tidak adil untuk menolak Ambiga hanya oleh kerana dia seorang India yang bukan Islam. *Tapi* [tetapi] dalam perjuangan agama apapun, *kalau* [jika] perjuangannya untuk sesuatu yang murni, kita harus_. Jadi saya tidak mahu Bersih itu- tercalar atau cacat hanya kerana seprang pemimpinnya tidak diterima oleh sekelompok bangsa. Jadi saya merasa untuk menyelamatkannya. *So* [Jadi] saya sempat menyertai secara langsung *dua* [2] demonstrasi Bersih yang besar. Ada akibatnya terhadap saya, saya kena gas, saya kena_ dan sekarang ada *dua* [2] kes yang saya akan dipanggil untuk ke mahkamah. Itu saya fikir, apa ni---. Dan saya tidak merasa menyesal untuk memasuki gerakan memurnikan- demokrasi sebab saya mempercayai bahwasanya demokrasi kita *ni* [ini] kotor. Saya tidak simpan. Saya bagitahu. Bagi saya, tidak masuk akal selama *lima* [5] dekad, hanya *satu* [1] kumpulan bangsawan sahaja yang memerintah negeri ini terus-menerus. *Bila* [Apabila] saya cakap bangsawan saya boleh buktikan. Tunku Abdul Rahman, bangsawan, Tun Razak, bangsawan, Tun Hussien Onn, bangsawan, Dr Mahathir barangkali mulanya tidak bangsawan, sekarang sudah lebih dari bangsawan. Dan sekarang itu, Najib. Tidak pernah kuasa itu sampai ke tangan orang bawahan. Semua daripada atas. Jadi, dengan bukti-bukti yang kita lihat daripada mana masa pilihan raya yang tidak bersih dan bagaimana rekrutmen apa ni, orang diberi *identity card* [kad pengenalan]. Ini bukan khayalan, ini betul. Diberi *identity card* [kad pengenalan] apa ni, untuk mengundi- - -. Dan bagaimana kita harus memperbaik jentera demokrasi kalau ini dan bagaimana

kita_ _ _ . Jadi kalau kita terlalu lama kuasa itu di tangan bangsawan, jadi semua himpunan harta, himpunan bisnes, himpunan apa di tangan bangsawan tidak pernah jatuh ke bawah. Lalu timbul lah nipotisma , hanya *satu* [1] golongan sahaja yang kaya-raya. (batuk) Dan kita, saya fikir sebagai rakyat biasa yang mempunyai otak, berdosa untuk terima sahaja. Kita harus berlawan. Berlawan mencari keadilan yang memang direstui oleh Allah. Kalau kita tidak berlawan, kita turut rasa bertanggungjawab. Sebab itu saya lebih mendampingi anak-anak muda. Orang tua dia sudah tentukan apa yang-. Jadi anak-anak muda, kalau anak-anak muda itu mahu *nak* [hendak] merebahkan jentera demokrasinya. Kalau tidak mahu mereka terima sahaja. Jangan salahkan orang itu, jadi sekarang bergantung kepada kelompok anak-anak muda. Mereka lebih berpelajaran daripada datuk dan nenek mereka kerana mereka kerja pun sekarang sudah tidak harus bergantung pada itu syarikat. Dia boleh cipta kerjanya sendiri. Boleh. Jadi dengan terbitannya, jalur-jalur jentera demokrasi yang_ , berdosa. Saya fikir berdosa untuk tidak merawat. Bunyinya macam saya itu menghasut, tapi saya fikir itu bukan---. Bahawasanya, kalau anda tidak berlawan, ha ini jadinya. Dan harus terima sahaja lah. *Apa ni*, [tabiat dalam bercakap] orang bagi *BRIM* [Bantuan Rakyat 1 Malaysia] pun, ah kita terima sahaja. Tapi [Tetapi] kita tidak tahu bahawa yang itu adalah rasuah. Itu bagi saya. (bunyi telefon). Jadi dimana jati diri kita, dimana *dignity* [maruah] kita? Kita sudah diwariskan- - -. Kita datang_ _ _ diberikan satu keperluan untuk membina sebuah negara yang cantik, yang adil, yang mesra. *Tapi* [Tetapi] kita sendiri tidak melaksanakan tugas kita.

SA : Apakah contoh negara yang patut diikuti oleh Malaysia?

ASS : Untuk permulaan cukup sahaja dengan membersihkan jentera pilihan raya. Cukup. Dengan bersihnya jentera pilihan raya, kita dapat menghantar wakil-wakil yang benar, disokong oleh ramai orang dengan hati nuraninya sendiri, bukan dengan- dibelakangnya *uwang* [duit]_ _ - -. *Okay, [Baiklah]* *you* [awak] boleh dapat *dua ratus*, [RM200] dipangkah dapat *dua ratus*. [RM200] Ambil gambar pangkah dulu, tunjuk, dapat duit. Itu *artinya* [ertinya] apa? *You* [awak] jual diri *you* [awak]. *You* [awak] jual kebebasan. *You* [awak] jual maruah *you* [awak]. Salah! Sebagai seorang insan, apalagi kalau *you* [awak] islam, dan kita mendahului segala kejujuran, keikhlasan, segala keadilan, kita yang salah. Jangan salahkan itu kerajaan kerana kerajaan itu kita yang jadikan dia kerajaan. Yang sebenarnya, *you* [awak] ingin tahu itukan? (ketawa). Ramai yang saya tahu, ingin tahu itu dan saya memang tidak simpan. Ini *you orang* [awak semua] adalah kelompok yang terakhir yang saya terima. Lepas ini tidak ada lagi *interview* [temuramah].

SA : Adakah Pak Samad akan terus memartabatkan bidang sastera ini kepada generasi muda?

ASS : Generasi muda, anehnya sekarang saya hanya dijemput untuk berceramah di sekolah India dan Cina, tidak di sekolah Melayu. Saya akan dapat jemputan berceramah tentang sastera di sekolah Cina dan tentang kesusasteraan bangsa *lah* [tabiat dalam bercakap] *tapi* [tetapi] di sekolah Cina dan India. Tetapi di

sekolah Melayu, tidak menjemput saya. Salah siapa? Salah saya? (ketawa). Ha itu lah pemimpin-pemimpin yang ada. Padahal saya jauh lebih berguna berada di tengah-tengah anak muda.

SA : Bagaimana pula di universiti-universiti?

ASS : Universiti-universiti pun tidak. Setakat ini, Hub Institut hubungi saya, dan saya akan_____ Jadi sekarang ini, saya akan banyak berlegar di kalangan orang bukan melayu. Seorang sasterawan melayu berlegar di kalangan orang bukan melayu. Siapa yang untung? (ketawa).

SA : Apakah harapan Pak Samad untuk memartabatkan lagi sastera melayu kepada orang melayu?

ASS : Saya rasa saya sudah memberi, sudah menyediakan lingkungan khazanah yang saya rasa cukup lah kalau saya tidak menulis lagi. Saya ada *dua puluh satu* [21] diari, yang saya tidak fikir orang lain ada. Kecuali *officer-officer* [pegawai-pegawai] yang terpaksa *lah* [tabiat dalam bercakap] mencatat saya punya apa saya baca, apa saya buat. Banyak informasi di dalam ini. Saya punya belanja pun ada. Setiap hari, duit masuk berapa, duit keluar berapa. Biasanya, akhirnya merah. (ketawa) Semalam saya dapat cek daripada apa ni, muzium Selangor yang hutang saya. Katanya *enam belas ribu* [RM16,000]. Saya jadi ribuan, bukan jutawan, ribuan.

SA : Seterusnya, impian Pak Samad?

ASS : Saya harap saya akan diterima di syurga lah. Itu yang saya lakukan sekarang ni, saya rasakan saya sudah diberikan umur yang sangat panjang dimana, dalam hadis ada berfirman, “Ku beri mu umur yang panjang sehingga kamu kembali kepada zaman kanak-kanakmu”. Apa maksudnya? Jadi *you orang* [awak semua] untung, *you* [awak] boleh merancang sekarang. Tidak ada yang sempurna. Jadi kita harus perbetulkan setiap, *apa ni*, [tabiat dalam bercakap] perjalanan hidup kita. Dan dikatakan juga hidup kita sudah tertulis. Jadi kita terima. Perlu ada perbaikan kita sendiri.

SA : Adakah terdapat rancangan Pak Samad yang masih belum tercapai?

ASS : Belum tercapai adalah maut. Itu yang belum tercapai. Dan saya sudah bersedia. Hidup saya hampir sepenuhnya adalah agama. Yang terkeluar ini hanya apa ni reformasi, itu_ saya di dunia. *Tapi* [Tetapi] saya harus bersedia juga untuk akhirat.

Terima kasih kami ucapan kepada Datuk A.Samad Said kerana sudi meluangkan masa dalam sesi temuramah ini. Terima kasih sekali lagi kami ucapan keraja beliau sanggup berkongsi pengalaman dan menceritakan detik-detik dalam dunia sastera dan juga sedikit sebanyak semasa zaman penjajahan. Maka berakhirlah sesi temuramah bersama Datuk pada hari ini.

TAMAT BAHAGIAN 4

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Siti Aishah menemubual Datuk A.Samad Said, yang dilahirkan pada 1932, di Singapura.

Temubual dijalankan di Old Town White Coffee Damansara, Kuala Lumpur mengenai pengalaman dan penganugerahan beliau sebagai seorang sasterawan negara yang disanjungi.

MASA	SUBJEK	NAMA/ TEMPAT/ RUJUKAN
BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG DAN PENDIDIKAN		
0.00 – 2.13	Tokoh memperbetulkan identiti tempat dan tarikh lahir beliau.	
2.14 – 4.40	Tokoh menceritakan tentang asal usul keturunan beliau, iaitu berasal dari keturunan India.	Muhamed Said Usoff bin Mabot
4.41 – 12.47	Tokoh menceritakan tentang latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjanya sebelum menjadi sasterawan.	
12.48 – 18.30	Tokoh menceritakan isteri, anak-anak dan cucu cicit beliau.	Rashidah Mohamad Tahar Salmi Manja

22.00 – 23.45	Tokoh memberitahu nama-nama pena beliau semasa bekerja di akhbar	Isa Dahmuri Mesra Manja
BAHAGIAN 2 : KERJAYA DAN PENGALAMAN		
0.00 – 5.00	Tokoh menceritakan bagaimana beliau boleh berminat untuk terlibat dalam bidang sastera.	
5.01 – 6.55	Tokoh memberitahu beberapa orang rakan-rakan yang turut menceburkan diri dalam bidang sastera.	A.S Amin M. Ghazali Noris Ain
6.56 – 10.30	Tokoh menceritakan pengalaman bersama tokoh-tokoh dalam karya sastera di ASAS 50	Jimi Asmara Usman Awang. Hamzah Husin
12.05 – 17.00	Tokoh menceritakan pengalaman pahit dan manis sepanjang beliau berkarya.	

BAHAGIAN 3 : ANUGERAH DAN PENCAPAIAN		
0.00 – 11.15	Tokoh menceritakan tentang anugerah yang diterima sepanjang berkarya.	Pejuang Sastera Sastera Negara South East Asian Write Award
11.15 – 13.29	Tokoh menceritakan tentang penglibatan beliau dalam bidang lain selain dari bidang sastera.	Simahat
BAHAGIAN 4 : HARAPAN, PENDAPAT DAN IMPIAN		
0.00 – 16.45	Tokoh menyatakan harapan beliau dalam bidang sastera dan impian yang masih belum tercapai.	

SENARAI SOALAN

SENARAI SOALAN

LATAR BELAKANG

- 1) Apakah nama sebenar Pak Samad?
- 2) Apakah nama pena Pak Samad?
- 3) Mengapakah Pak Samad diberi nama pena sedemikian?
- 4) Bilakah tarikh kelahiran Pak Samad?
- 5) Dimanakah tempat kelahiran Pak Samad?
- 6) Dimanakah Pak Samad dibesarkan?
- 7) Dimanakah Pak Samad menetap sekarang?
- 8) Pak Samad menetap bersama siapa sekarang?
- 9) Berapakah bilangan adik-beradik Pak Samad?
- 10) Pak Samad anak yang ke berapa?
- 11) Siapakah nama ibu bapa Pak Samad?
- 12) Adakah Pak Samad sudah berkahwin?
- 13) Siapakah nama isteri Pak Samad?
- 14) Isteri Pak Samad berasal dari mana?
- 15) Apakah pekerjaan isteri Pak Samad?
- 16) Adakah dengan pekerjaan isteri Pak Samad serba sedikit dapat memberi dorongan dan semangat dalam meneruskan hasil karya Pak Samad?
- 17) Adakah Pak Samad mempunyai anak/cucu/cicit?
- 18) Berapakah bilangan anak/cucu/cicit Pak Samad?
- 19) Apakah nama anak/cucu/cicit Pak Samad?
- 20) Adakah Pak Samad masih mempunyai anak yang masih belajar?
- 21) Adakah Pak Samad sudah mempunyai anak yang sudah berumah tangga?
- 22) Dimanakah anak anak Pak Samad belajar?
- 23) Apakah pekerjaan anak-anak Pak Samad?
- 24) Apakah minat Pak Samad dalam mengisi masa yang terluang?
- 25) Apakah cita-cita sebenar Pak Samad yang ingin sekali dicapai?

PENDIDIKAN

- 26) Apakah taraf pendidikan Pak Samad?
- 27) Apakah pendidikan tertinggi Pak Samad?
- 28) Dimanakah tempat pendidikan pertama Pak Samad?
- 29) Dimanakah tempat pendidikan terakhir Pak Samad?
- 30) Bagaimanakah keadaan atau suasana serta kemudahan para guru pada zaman persekolahan pada ketika itu?
- 31) Apakah subjek paling digemari dan tidak digemari pada ketika itu, mengapa?
- 32) Adakah Pak Samad aktif dalam persatuan dan kurikulum ketika zaman persekolahan?
- 33) Bagaimanakah pencapaian Pak Samad dalam bidang akademik dan kurikulum selama persekolahan?
- 34) Apakah jurusan pendidikan yang diambil?
- 35) Difahamkan Pak Samad mendapat pendidikan di Singapura, apakah pengalaman manis/pahit yang dapat dikongsi semasa belajar di sana?
- 36) Berapa tahun Pak Samad belajar di Singapura?
- 37) Zaman universiti zaman membuat suatu jaringan bersama rakan rakan. Siapakah rakan seperjuangan yang paling diingati Pak Samad, mengapa?
- 38) Apakah pencapaian Pak Samad sepanjang di universiti?
- 39) Apakah peringkat pendidikan isteri Pak Samad?
- 40) Boleh Pak Samad kongsikan tips sedikit bagaimana tips/cara pembelajaran Pak Samad ketika itu?

KERJAYA

(Dahulu)

- 41) Apakah kerjaya Pak Samad sebelum bergelar sasterawan?
- 42) Berapa lamakah Pak Samad terlibat dalam bidang tersebut?
- 43) Siapakah yang mendorong Pak Samad dalam bidang tersebut?
- 44) Apakah perkara yang menyebabkan Pak Samad beralih kerjaya?
- 45) Apakah pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang pekerjaan Pak Samad?

46) Apakah pengalaman pahit yang tidak dapat dilupakan sepanjang pekerjaan Pak Samad?

(Sekarang)

47) Apakah kerjaya yang dilakukan oleh Pak Samad sekarang?

48) Bilakah Pak Samad mula melibatkan diri dalam bidang sastera?

49) Bagaimana Pak Samad boleh terlibat dalam bidang tersebut?

50) Siapakah yang mendorong Pak Samad untuk melibatkan diri dalam bidang tersebut?

51) Bersama siapakah Pak Samad melibatkan diri dalam bidang seni?

52) Berapa lamakah Pak Samad sudah melibatkan diri dalam bidang tersebut?

53) Apakah pengalaman pertama Pak Samad apabila terlibat dalam bidang tersebut?

(Pengalaman)

54) Apakah karier utama yang menjadi minat Pak Samad?

55) Berapakah jumlah karya yang telah dihasilkan oleh Pak Samad?

56) Apakah karya pertama Pak Samad?

57) Adakah Pak Samad berpuas hati dengan hasil karya pertama Pak Samad?

58) Apakah karya yang Pak Samad paling gemari?

59) Dari mana Pak Samad mendapat idea untuk menulis puisi atau novel?

60) Adakah terdapat satu atau dua karya yang sedikit sebanyak menceritakan tentang kehidupan Pak Samad?

61) Selain puisi dan novel, apakah karya yang telah Pak Samad terbitkan?

62) Apakah karya yang paling bermakna bagi Pak Samad?

63) Apakah kenangan manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang bergelar sasterawan?

64) Apakah kenangan pahit yang tidak dapat dilupakan sepanjang bergelar sasterawan?

65) Apakah halangan yang terpaksa ditempuh sepanjang bergelar sasterawan?

SUMBANGAN/KHIDMAT SOSIAL

- 66) Apakah sumbangan yang telah Pak Samad beri pada negara?
- 67) Apakah pengorbanan yang telah Pak Samad lakukan dalam mengembangkan industri sastera ini?
- 68) Adakah Pak Samad masih aktif dalam bidang sastera?
- 69) Selain bidang sastera, adakah Pak Samad ada terlibat dalam bidang lain?

ANUGERAH/ PENCAPAIAN/ PENGIKTIRAFAN

- 70) Apakah pencapaian pertama Pak Samad dalam bidang sastera?
- 71) Apakah anugerah yang telah Pak Samad perolehi?
- 72) Bilakah Pak Samad menerima anugerah yang pertama?
- 73) Apakah anugerah yang kerap Pak Samad terima?
- 74) Apakah anugerah yang paling berharga bagi Pak Samad?
- 75) Adakah Pak Samad mendapat apa-apa pengiktirafan dari sesiapa?

HARAPAN/ PENDAPAT/ IMPIAN

- 76) Apakah harapan Pak Samad terhadap bidang seni ini?
- 77) Adakah Pak Samad akan terus memartabatkan bidang sastera ini kepada generasi muda?
- 78) Apakah pegangan hidup Pak Samad dalam kehidupan?
- 79) Apakah rancangan Pak Samad pada masa akan datang?

INDEKS

INDEKS

A

- A.S Amin, 11*
Ahmad Boestamam, 4, 11
Akhbar Mingguan Fikiran Rakyat, 4, 11
Al- amin, 5
Al-quran, 8
Ambiga, 21, 22
anak, 2, 5, 6, 7, 12, 23, 25
Angkatan Persukatan Melayu Baru, 13
Angkatan Seni Rakyat, 12
antologi, 5
Anugerah Pejuang Sastera, 16
Anugerah Sastera Asia, 18
Anugerah Sastera Negara, 17
Anugerah South East Asian Write Award, 17, 18
anugerah, 14, 16, 17, 18, 19
artikel, 9
artis, 20
ASAS lima puluh, 12, 13, 20
Asrab, 13
autobiografi, 8

B

- Bahasa Inggeris, 15*
Bahasa Melayu, 13

Balada Bersih, 21

bangsawan, 22, 23

Berita Harian, 4, 5, 11

Bersih, 21, 22, 24

biografi, 8

BRIM, 23

British, 3

C

ceramah, 5, 24

cinta, 15

cucu, 7

D

Dr Mahathir, 22

diari, 7, 25

demokrasi, 22, 23

G

gagap, 10, 15

Gandhi, 8

H

Hamzah Husin, 13

Hasrab Wahab, 12

Hassan Makmon, 6

Helmi, 5, 6, 7

harapan, 21, 25

I

impian, 21, 26

Indonesia, 13, 14, 19

Isa Dahmuri, 9

Ishahmun, 16, 17

Ishak Haji Muhammad, 16

Islam, 22, 24

isteri, 5, 6

J

Jepun, 3, 4, 8, 10

Jimi Asmara, 12

Journal Hospital, 4

K

kerjaya, 10

kuasa, 22

Kuala Lumpur, 3, 4, 5, 11

kerani, 4, 11

Keris Mas, 12, 16

kerajaan, 5, 16, 19, 24

khazanah, 19, 25

kesusasteraan, 11, 19, 24

M

M. Ghazali, 11

Mabot, 2

Majalah Jelita, 6

Manja, 9

Mehboob, 2

merdeka, 4, 8, 14

Mesra, 9, 23

Muhamed Said, 2

Muzium Selangor, 25

N

Nauziki, 8

Noris Ain, 11

Najib, 22

novel, 10, 11, 12

nusantara, 18, 19

P

panel, 17, 18

pelacur, 11

pelukis, 20

pemuzik, 6

pena, 9

pencapaian, 16

pendapat, 21

pengalaman, 10, 11, 12, 14, 15, 21, 26

- pengarang, 5, 6*
- pengerusi, 21*
- penyair, 21*
- peperiksaan, 3*
- perang, 10*
- pilihan raya, 24*
- puisi, 5, 21*
- Q**
- queen, 18*
- R**
- rakyat, 23*
- Rashidah, 5, 6*
- rencana, 9*
- Ros Merah, 12*
- S**
- Salim, 8*
- Salina, 11*
- Salmi Manja, 5*
- Samad Ismail, 16*
- Segenggam Lipan, 21*
- sejarah, 8, 21*
- Sekolah Melayu Kota Raja, 3*
- Selangor, 20, 25*
- seni, 19*
- Shidah Dini, 6, 7*
- Simahat, 20*
- Sinar Raihan, 6, 7*
- Singapura, 1, 2, 3, 4, 5, 11, 13, 19, 20*
- Siti Senja, 6, 7*
- Sukarno, 8*
- sumbangan, 2, 19*
- sundal, 10, 11, 15*
- Sungai Mengalir Lesu, 11*
- T**
- tatabahasa, 13, 14*
- teman wanita, 15*
- Thailand, 18*
- Tun Hussien Onn, 22*
- Tun Razak, 22*
- Tunku Abdul Rahman, 22*
- U**
- Usman awang, 9, 12, 20*
- Usoff, 2, 3*
- Utusan Melayu, 4, 11*
- W**
- wartawan, 4, 6*

RUJUKAN

RUJUKAN

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2009). Retrieved on July 7, 2014 from

<http://dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=articles&ArticleID=715&IID=>

Tokoh Melayu (n.d). Retrieved on July 7, 2014 from <http://dokumentasiipm9.blogspot.com/>

Datuk Abdul Samad Muhammad Said (A.Samad Said). (2014). Retrieved on July 7, 2014
from <http://www.arkib.gov.my/en/datuk-abdul-samad-muhammad-said-a.-samad-said-1>